



**KENYATAAN MEDIA**

**KUALA LUMPUR (7 OGOS 2022)** - SUHAKAM mengambil maklum keputusan Mahkamah Rayuan pada 5 Ogos 2022 dalam kes Kerajaan Malaysia vs Suriani Kempe & 6 Yang Lain yang telah mengakas keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 9 September 2021 lalu yang membenarkan seorang ibu warganegara Malaysia yang berkahwin dengan lelaki bukan warganegara Malaysia untuk memberikan kewarganegaraan melalui operasi undang-undang kepada anak-anak mereka yang lahir di luar negara.

SUHAKAM menzahirkan rasa kecewa kerana keputusan Mahkamah Rayuan ini akan memberikan kesan negatif bukan sahaja kepada ibu warganegara Malaysia tetapi juga kepada anak-anak mereka khususnya dalam mendapat akses kepada hak-hak asas seperti akses kepada kemudahan perubatan, pendidikan, kewarganegaraan dan lain-lain yang dijamin oleh undang-undang Malaysia kepada setiap warganegara.

SUHAKAM menghimbau komitmen Malaysia terhadap Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) dan Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) untuk memastikan perundangan tempatan memberikan hak yang saksama antara lelaki dan perempuan tanpa sebarang diskriminasi dan melindungi anak-anak serta memastikan pemenuhan terhadap hak asasi mereka.

Selaku negara yang telah meratifikasikan kedua-dua instrumen, Malaysia sewajarnya melaksanakan prinsip bona fide iaitu suci hati, niat dan tindakan untuk memartabatkan prinsip-prinsip di dalam instrumen dengan memastikan ia dilaksanakan dan diterapkan dalam perundangan Malaysia, dan bukan sekadar meratifikasi tanpa niat untuk menjayakannya.

Pada 23 November 2021, Majlis Raja-Raja telah memperkenalkan cadangan penubuhan Jawatankuasa Cadangan Pindaan perenggan (b) Fasal (1) Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan (Jawatankuasa) dan mengambil maklum bahawa Jawatankuasa dijangka akan membentangkan hasil konsultasi dan kajian dalam tempoh enam (6) bulan. Walau bagaimanapun, tempoh enam (6) bulan tersebut telah berlalu dan tiada sebarang pembentangan berhubung yang sama dibuat. SUHAKAM menegaskan bahawa pindaan perenggan (b) Fasal (1) Perkara 14 Perlembagaan Persekutuan tersebut amat mustahak untuk dilaksanakan dengan segera di Parlimen, dan kelewatan dalam melaksanakannya adalah satu pengabaian terancang terhadap hak wanita dan kanak-kanak di Malaysia.

Ketidakpastian status kewarganegaraan ini mengakibatkan ramai kanak-kanak terpaksa berpisah dari keluarga mereka dan mengakibatkan mereka mengalami tekanan mental. Ini tidak mencapai hasrat di sebalik semangat Keluarga Malaysia. Wanita warganegara Malaysia juga terpaksa berhijrah ke negara ketiga kerana anak-anak mereka tidak diterima di Malaysia.



**KENYATAAN MEDIA  
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

SUHAKAM juga menggesa agar pindaan terhadap Bahagian II Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang dicadangkan oleh Kerajaan Malaysia disegerakan bagi merealisasikan komitmen Malaysia yang kini merupakan negara anggota Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap kesaksamaan gender serta pemenuhan hak terhadap kanak-kanak.

SUHAKAM menyokong obiter dictum YA Datuk Nantha Balan a/l E.S Moorthy untuk mengekalkan status quo permohonan 6 orang kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara daripada ibu warganegara Malaysia sehingga rayuan ini dimuktamadkan oleh Mahkamah Persekutuan. Manakala, bagi ibu warganegara Malaysia yang memohon kerakyatan anak-anak mereka berdasarkan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sebelum ini tetapi bukanlah pihak-pihak di dalam guaman di atas, permohonan mereka perlulah dibekukan sementara dan bukan ditolak.

SUHAKAM menyeru Kerajaan untuk menyediakan penyelesaian kepada kepayahan ibu warganegara Malaysia dan anak-anak mereka untuk kekal sebagai satu keluarga.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**

**7 Ogos 2022**

*Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau [shikin@suhakam.org.my](mailto:shikin@suhakam.org.my)*

***“Hak Asasi untuk Semua”***

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Suruhanjaya di 03-2612 5600